



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **26 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,902 kes** (96.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 18 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **tujuh (7) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,219 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 192 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada tujuh (7) kes baharu yang dilaporkan, empat (4) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan dua (2) **warganegara Malaysia** dan dua (2) **bukan warganegara**. Empat (4) kes import tersebut adalah dari negara:

- i. Bangladesh (3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- ii. United Kingdom (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Ketiga-tiga kes **penularan di dalam negara** melibatkan **warganegara Malaysia** di Kedah, iaitu:

- Dua (2) kes daripada Kluster Sala; dan
- Satu (1) kes daripada Kluster Tawar.

Situasi terkini kedua-dua kluster ini akan diperincikan di bawah.

Sehingga kini, terdapat lapan (8) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal

sebanyak **125 kes** (1.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KLUSTER TAWAR DAN KLUSTER SALA

KKM ingin memaklumkan status terkini bagi Kluster Tawar dan Kluster Sala yang telah melaporkan kes baharu pada hari ini seperti berikut:

1. Kluster Tawar

Satu (1) kes baharu dilaporkan di negeri Kedah, justeru menjadikan jumlah kes dikesan positif COVID-19 bagi kluster ini sebanyak **47 kes**. Sehingga 18 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai **1,490** orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

i. Kedah (1,195 disaring):

- 40 kes dikesan positif COVID-19;
- 858 individu negatif; dan
- 297 individu masih menunggu keputusan.

ii. Pulau Pinang (286 disaring):

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 216 individu negatif; dan

- 63 individu masih menunggu keputusan.

iii. Perak (9 disaring):

- Sembilan (9) individu negatif.

2. Kluster Sala

Dua (2) kes baharu dilaporkan di negeri Kedah, justeru menjadikan jumlah kes positif **lapan (8)** kes. Sehingga 18 Ogos 2020 jam 12 tengah hari, seramai **635** orang telah disaring dalam kluster ini. Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah seperti berikut:

i. Kedah (629 disaring):

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19;
- 479 individu negatif; dan
- 142 individu masih menunggu keputusan.

ii. Pulau Pinang (6 disaring):

- Tiada kes dikesan positif COVID-19;
- Empat (4) individu negatif; dan
- Dua (2) individu masih menunggu keputusan.

Pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat bagi kedua-dua kluster masih diteruskan. Situasi semasa akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

PENULARAN JANGKITAN DALAM KLUSTER AKIBAT KETIDAKPATUHAN KEPADA PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

Punca jangkitan Kluster Tawar dan Kluster Sala adalah masih di dalam siasatan. Namun demikian, hasil siasatan ke atas kes-kes positif kedua-dua kluster ini mendapati bahawa penularan jangkitan dalam kedua-dua kluster ini telah disumbang oleh beberapa faktor umum.

Penularan jangkitan dalam Kluster Tawar didapati disumbang oleh perhimpunan di kalangan ahli keluarga yang tidak sepenuhnya mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Misalnya, kapasiti tetamu perhimpunan tidak mengikut saiz ruang dan penjarakan fizikal yang selamat di antara satu sama lain. Ini membantu penularan yang meluas dalam kluster ini, meskipun kes indeks dan punca sebenar jangkitan masih dalam siasatan.

Bagi Kluster Sala pula, kes indeks mempunyai sejarah menziarahi pesakit di sebuah hospital bersama beberapa ahli keluarga beliau. Walaupun tiada kes positif COVID-19 yang

dikesan daripada saringan di hospital tersebut, namun begitu kesemua ahli keluarga yang telah pergi bersama kes indeks untuk menziarahi pesakit tersebut telah dikesan positif. Jangkitan COVID-19 seterusnya telah merebak kepada kontak-kontak rapat kes indeks dan ahli keluarga beliau. Dikhuatiri amalan melawat hospital mungkin menyumbang kepada penularan jangkitan memandangkan di hospital terdapat banyak pesakit dan mengundang risiko jangkitan.

Kemungkinan besar penularan jangkitan dalam kedua-dua kluster ini dapat dibendung sekiranya amalan 3S dapat dilaksanakan oleh semua pihak, iaitu elakkan tempat yang sesak, sempit dan sembang dengan jarak yang dekat.

Sekiranya mempunyai keperluan mendesak untuk menziarahi pesakit di hospital, pastikan langkah berjaga-jaga diamalkan pada setiap masa. Misalnya, pastikan pemakaian alat pelitup muka (*facemask*) sepanjang tempoh menziarahi dan pastikan penjarakan fizikal (*physical distancing*) yang selamat iaitu sekurang-kurangnya 1 meter dari pesakit atau individu yang bergejala dan juga amalan kebersihan sendiri seperti membasuh tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer*.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM menyeru orang ramai agar terus amalkan nasihat-nasihat yang sering ditekankan oleh KKM sebagai satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian. Antara nasihat-nasihat tersebut adalah seperti berikut:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 Ogos 2020 @ 5.30 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 18 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	31
KEDAH	3	183
PULAU PINANG	0	132
PERAK	0	269
SELANGOR	0	2,150
NEGERI SEMBILAN	0	1,034
MELAKA	0	259
JOHOR	0	750
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	416
SARAWAK	0	682
W.P. KUALA LUMPUR	4 (4)	2,548
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	22
JUMLAH KESELURUHAN	7 (4)	9,219

*() adalah merujuk kepada kes-kes import